



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR  
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000  
Faks : 609-516 4931  
Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.3 (42)

Tarikh : 24 November 2023

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN PENUTUPAN AKAUN BULANAN BAGI BULAN NOVEMBER 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan buletin Jabatan ini rujukan ANM.PHG.600-15/2/85 JLD.2(08) bertarikh 13 Januari 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan penutupan akaun bulanan bagi bulan November 2023, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan JANM Negeri Pahang hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :

**2.1 ARAHAN PEMBAYARAN**

- (i) Sila pastikan dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **PERAKUAN 2** selewat-lewatnya jam **12.00 TENGAH HARI** pada **30 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan bermula 1 Disember 2023 (Jumaat);
- (ii) PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103(a);
- (iii) Sekiranya **GAGAL** mematuhi arahan seperti di para 2.1 (i), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke [bayaran\\_phg@anm.gov.my](mailto:bayaran_phg@anm.gov.my) **sebelum atau pada 7 Disember 2023**.

**2.2 TERIMAAN**

- (i) Sila pastikan semua kutipan sebelum atau pada **30 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)** telah dibankkan **selewat-lewatnya jam 3.00 petang** seperti ketetapan AP78;
- (ii) Manakala bagi kutipan lewat pada 30 NOVEMBER 2023 yang tidak sempat dibankkan, **WAJIB** disediakan RESIT dan dibuat **SERAHAN WANG selewat-lewatnya pada 30 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)** sebelum **jam 11.59 MALAM**;

(iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.2 (i) dan (ii), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke terimaan\_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 7 Disember 2023.**

3. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan proses penutupan akaun bulanan berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang